

12/05/2003

Biar Dr M bersara dengan tenang

WALAUPUN sudah berulang kali ditegaskan Perdana Menteri, nampaknya masih ada kalangan yang meragui hasrat beliau untuk berundur pada Oktober depan. Bukan itu saja, malah sejak akhir-akhir ini ada pula golongan yang mahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhenti lebih awal lagi semata-mata kerana sangsi apakah beliau akan mengotakan janjinya. Golongan ini takut Dr Mahathir akhirnya tidak mahu melepaskan jawatannya seperti diumumkannya pada 22 Jun tahun lalu. Bagaimanapun, kita harus akui Dr Mahathir yang amat tegas dalam menjalankan tugas, melaksanakan wawasan dan ideanya untuk memajukan baik bangsa Melayu mahupun negara, bukanlah orang yang memungkirkan janji, mementingkan diri sendiri atau mahu berkuasa selamanya. Sebagai pemimpin yang menjiwai dan menghayati perjuangan Umno sejak muda lagi, beliau sudah pun menegaskan hanya mahu terus mencurahkan bakti kepada parti selepas persaraannya kelak.

Sepatutnya pengunduran Dr Mahathir daripada kerajaan selain melepaskan jawatan Pengerusi Barisan Nasional dan Presiden Umno, tidak harus menjadi isu lagi. Malah beliau sebenarnya berhasrat bersara lebih awal tetapi akur menangguhkannya sehingga Oktober kerana perlu mempengerusikan sidang puncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober. Pada prinsipnya, perkara itu tidak patut dipertikaikan oleh sesiapa pun. Ini kerana selepas menjadi PM selama 21 tahun dan bertugas dalam Kabinet kerajaan sejak 1974, Dr Mahathir sendiri berasakan masanya sudah tiba bagi beliau berundur.

Beliau mahu berbuat demikian dengan penuh yakin bahawa segala sumbangannya membina, memaju dan memantapkan negara akan dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi oleh penggantinya sesuai dengan keperluan masa dan keadaan. Kita juga harus menerima hakikat dari sebuah negara berasaskan pertanian dan bahan mentah, Malaysia di bawah pemerintahan Dr Mahathir berubah menjadi negara perindustrian dan berorientasikan eksport. Malah, beliau berjaya mengharumkan nama negara di merata dunia.

Dengan segala sumbangan itu sepatutnya suasana yang jernih itu tidak cuba dikocakkan oleh mana-mana pihak yang sengaja mahu mengambil kesempatan mengeruhkan keadaan sambil melemparkan kata-kata sinis. Terbaru sekali sesetengah golongan berkepentingan yang jelas tidak tahu bersyukur dan menghargai jasa besar Dr Mahathir membiarkan diri mereka diperalatkan oleh majalah The Economist dianggap PM sebagai `sampah' itu. Golongan kecil seperti itu yang pasti ada agenda tersembunyi tidak akan berpuas hati dengan apa pun pencapaian negara dan pemimpin yang jujur. Sebenarnya, pengunduran Dr Mahathir tidak sepatutnya menjadi isu dan hasratnya hendaklah dihormati.